

SULIT**1103/2****TREND LAYAK SIJIL SPM 2024****BAHASA MELAYU****Kertas 2****September 2024**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)
TREND LAYAK SIJIL SPM 2024**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

PERATURAN PEMARKAHAN

Latih Tubi ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 4 markah

Soalan 5 : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata imbuhan sisipan** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata imbuhan sisipan** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa /tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata imbuhan sisipan

- i. sinambung
 - perkataan asal ‘sambung’ menerima imbuhan sisipan ...*in*
 - lanjutan atau tambahan daripada cerita, perbuatan dan lain-lain yang telah wujud atau berlaku sebelumnya
 - berlanjutan atau berterusan
- ii. serabut
 - perkataan asal ‘sabut’ menerima imbuhan sisipan ...*er*
 - merujuk kepada sistem akar dalam tumbuhan terdiri dari banyak akar halus kecil menyebar segenap arah terus dari batang tersebut
 - serat seperti benang yang terdapat pada sabut, daun nanas, batang pisang dan lain-lain.
- iii. kemuning
 - perkataan asal ‘kuning’ menerima imbuhan sisipan ...*em*
 - mempunyai warna seperti warna kunyit
- iv. semerbak
 - perkataan asal ‘serbak’ menerima imbuhan sisipan ...*em*
 - wangi atau harum
 - amat kuat hingga menusuk ke hidung atau hingga tersebar ke merata tempat
- v. kelopak
 - perkataan asal ‘kopak’ menerima imbuhan sisipan ...*el*
 - sesuatu yang nipis menjadi penutup atau pembalut sesuatu

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2- Sintaksis (Ayat tunggal kepada ayat majmuk)

Ayat tunggal kepada ayat majmuk

1. Kekuatan otak anak-anak adalah berbeza dari segi kemampuan dalam sesuatu bidang dan kecenderungan minat.
2. Sokongan moral harus diberikan kerana mereka memerlukan kekuatan dalam mengembangkan bakat yang selama ini terpendam.
3. Remaja harus proaktif dalam melibatkan diri secara langsung tanpa rasa merendah diri dalam sesuatu bidang yang diceburi agar dapat memenuhi cita-cita yang diidamkan.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan

Bahan 1

- (i) taksiran – tafsiran
- (ii) cintakan – cinta akan
- (iii) dihubung kaitkan – dihubungkan
- (iv) di dalam – dalam
- (v) media masa – media massa
- (vi) dipraktik – dipraktikkan

[Maksimum : 5 markah]

Bahan 2

- (i) penikrar – pengikrar
- (ii) maklumi – maklumkan
- (iii) bila – apabila
- (iv) kaitan – berkaitan
- (v) merencatkan – mencatitkan
- (vi) procedure - prosedur
- (vii) makluman - maklumat

[Maksimum : 6 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat.	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Lalu hari pun malam. Kemudian Laksamana memakai pakaian serba hitam lalu berjalan. Kertala Sari pun masuk. Kemudian dilihat oleh Laksamana seorang askar upahan / pencuri, lalu Laksamana bersembunyi pada suatu tempat. Setelah itu, Kertala Sari menyimpang / melencong / membelok ke tempat yang lain untuk masuk mencuri.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) Patah sayap bertongkat paruh / bagai layang-layang putus tali / sudah sekah tempat bergantung
- (ii) Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis / ukur baju di badan sendiri
- (iii) Seperti rusa masuk kampung

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 6 :13 markah

Soalan 7 :12 markah

Soalan 8 :10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh sahaja (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup/ menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (tidak menyentuh semua bahan)	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

Soalan 6

- (i) Maksud *kepelbagaian motif*
- berbagai-bagai / beraneka / bermacam-macam corak / tema 2
 - berbagai-bagai / beraneka / bermacam-macam *motif* 1
 - kepelbagaian corak / tema 1
- [Maksimum : 2 markah]

(ii) Keistimewaan-keistimewaan batik Malaysia

Bahan 1

- P1** *kepelbagaian motif* yang dihasilkan menerusi teknik canting pada fabrik berkualiti tinggi
- P2** lebih berkualiti berbanding dengan batik dari negara luar.
- P3** kebanyakan batik Malaysia dihasilkan menggunakan sutera asli yang lebih selesa dan tidak panas dengan motif abstrak juga menjadi pilihan masyarakat kini

Bahan 2

- P3** ciri yang berlainan bagi corak dan kesan yang terhasil
- P4** batik Malaysia mempunyai identiti tersendiri

Bahan 3

- P5** harganya sangat berpatutan bergantung kepada kualiti fabrik dan coraknya pula sangat cantik
- P6** penjawat awam boleh memakai baju batik pada hari bekerja, malah batik juga boleh digayakan ke majlis-majlis berprestij

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan ketiga-tiga bahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(ii) **Usaha-usaha yang boleh dilakukan supaya batik dikenali bukan sahaja oleh rakyat Malaysia malah terkenal di seluruh dunia**

- P1** pengusaha batik mempelbagaikan produk batik / kraf tangan / cenderahati untuk dijual kepada pelancong
- P2** kerajaan / swasta mengadakan kempen memperkenalkan batik Malaysia di pelbagai peringkat
- P3** kerajaan bekerjasama dengan ejen-ejen pelancongan mempromosikan batik ke luar negara / eksport batik Malaysia ke luar negara
- P4** media massa / media sosial menyebarkan maklumat tentang batik Malaysia asli
- P5** kerajaan menggalakkan penjawat awam memakai batik Malaysia setiap hari bekerja
- P6** Institut kemahiran menganjurkan kursus seni melukis batik kepada golongan yang berminat
- P7** kerajaan mengaktifkan promosi 'Belilah Batik Malaysia' kepada masyarakat untuk mengelakkan batik tiruan.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Tindakan yang akan saya lakukan untuk membantu rakan ialah**

- P1** membawanya berjumpa guru kaunseling untuk mendapat maklumat tentang kursus tersebut
- P2** mengajaknya melayari Internet untuk mendapatkan lebih banyak maklumat tentang kursus.
- P3** menyuruhnya mengambil mata pelajaran seni lukis di sekolah
- P4** menasihatinya supaya membuat persediaan awal agar memenuhi syarat kelayakan supaya terpilih mengikuti kursus tersebut
- P5** mengenal pasti institusi yang menawarkan kursus tersebut
- P6** meminta rakan mengumpul wang yang mencukupi untuk menanggung kos pengajiannya nanti.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7**(i) Pesanan bonda kepada Mel**

- P1** Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan
P2 Peliharalah bahasa ibunda kita

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Kepentingan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.**Bahan 2**

- P1** Bahasa dapat membentuk rakyat yang bersatu padu
 (Bahasalah menyatukan kita semua)
P2 Bahasa berperanan membentuk semangat kekitaan / jati diri sesuatu bangsa
 (Bahasa jiwa bangsa)
P3 Rakyat perlu membuktikan taat setia dengan menggunakan satu bahasa
 (Buktikan taat setia
 Dengan satu bahasa)

Bahan 3

- P3** Menggunakan bahasa Melayu dengan bijak agar kesantunan bahasa dapat dipelihara
 (Gunakanlah dengan bijaksana)
 (Santun bahasa sama dijaga)
P4 Bahasa dapat menyatukan rakyat agar negara aman tiada persengketaan
 (Bahasa juga menyatukan negara)
 (Aman negara tiada sengketa)

NOTA : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Peranan pelbagai pihak bagi memartabatkan penggunaan bahasa Melayu

- P1** pihak kerajaan melaksanakan program kesedaran penggunaan bahasa Melayu yang betul
P2 pihak sekolah mengadakan pertandingan berbahasa seperti bahas, forum, pidato
P3 ibu bapa menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi seharian
P4 memperkasakan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka
P5 pihak swasta wajib menggunakan bahasa Melayu dalam persidangan
P6 pengusaha iklan menguatkuasakan bahasa Melayu dalam pengiklanan dan penyiaran

(peranan pelbagai pihak memartabatkan penggunaan bahasa Melayu yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]



(iv) **Cadangan murid tentang langkah-langkah untuk menangani isu bahasa rojak**

- P1** membetulkan kesalahan bahasa yang dilakukan
- P2** mencadangkan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan program / kempen kesedaran penggunaan bahasa Melayu yang betul
- P3** memuat naik artikel / risalah/ poster penggunaan bahasa Melayu yang tepat
- P4** menasihati rakan maya yang menggunakan bahasa rojak menerusi media sosial
- P5** menjadi suri teladan dengan memuat naik gambar dan kapsyen menggunakan bahasa Melayu yang betul
- P6** membuat laporan kepada pihak yang berkenaan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) **Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh datuk bersama-sama Dahlia ketika di rumah papan**

- P1** Datuknya sering menceritakan cerita Bawang Putih Bawang Merah, Batu Belah Batu bertangkup, dan Si Miskin Menjadi Kaya.
- P2** Datuk juga mengajarnya membuat layang-layang, mengajak menangkap ikan pelaga di parit, menyerkap burung terkukur, menjerat burung ayam-ayam
- P3** menyanyi berserulingkan daun ubi kayu.

[Markah maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)

(ii) **Soalan novel : 6 markah**

- (a) Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri **1 markah** bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri **1 markah** bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum **4 markah** (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/ huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh :
Baik : **2 markah**
Lemah : **1 markah**
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri **1 markah** untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab **0 markah**.

[Maksimum : 6 markah]

Peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Lili taat akan suruhan dan perintah ibu bapanya apabila dia mengikut sahaja suruhan ibunya untuk pulang bercuti di kampung kelahiran ibunya di Dungun, Terengganu.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab sebagai seorang anak untuk mematuhi perintah ibu bapa.

2. Peristiwa Lili dan Kak Mimah untuk membantu menyelesaikan kes keganasan rumah tangga Che Jah yang sering dipukul oleh suaminya, Seman.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab membantu menyelesaikan kes keganasan rumah tangga keluarga Che Jah.

3. Peristiwa Lili mempertahankan maruah ibu di hadapan datuknya apabila datuknya bercerita tentang sesuatu yang tidak baik berkaitan dengan ibunya.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab Lili mempertahankan maruah ibunya.

4. Peristiwa Lili dan Danel menyelesaikan isu pemasangan kubah surau yang menjadi pertelagahan masyarakat di Kampung Sentosa.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab Lili dan Danel menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masyarakat.

5. Peristiwa datuk Lili, Haji Abdul Rahman mempertahankan perubatan tradisional yang diamalkannya walaupun terdapat pelanggannya yang telah beralih kepada kaedah rawatan moden.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab mempertahankan kaedah perubatan tradisional.

6. Peristiwa Danel berusaha dan berikhtiar menyelamatkan Lili yang telah diculik dan dikurung oleh Haziq dan Rafiq, anak-anak Che Jah serta disembunyikan di sebuah pondok buruk walaupun keselamatan dirinya terancam.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang rakan untuk menyelamatkan rakannya yang diculik dan dikurung di sebuah pondok buruk.

7. Peristiwa Haji Abdul Rahman, datuk Lili sentiasa mengerjakan solat fardu secara berjemaah sama ada di rumah atau di surau / nenek Lili juga segera bersolat apabila masuk waktu solat.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab sebagai seorang muslim.

(terima peristiwa lain yang sesuai)

Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Dahlia sebagai anak sulung dalam keluarga, menjaga adik-adiknya yang lain sepanjang ibunya menerima rawatan di hospital.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang kakak untuk menjaga adik-adiknya.

2. Peristiwa Dahlia tetap membuat persediaan dengan membaca buku untuk menghadapi STPM walaupun berada di balai raya yang menjadi pusat pemindahan mangsa banjir apabila rumah mereka musnah akibat banjir.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab sebagai seorang pelajar.

3. Peristiwa Dahlia amat menyayangi ibu bapanya dan berusaha melawat ibunya yang sedang menerima rawatan di Hospital Permai, Johor Bahru sehingga sanggup mengeluarkan wang biasiswanya untuk membayar tambang bas. / Dahlia juga bertanggungjawab membawa adik bongsunya, Anggerik ke Hospital Batu Pahat untuk melawat bapanya yang dimasukkan ke hospital akibat dipatuk ular.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab sebagai seorang anak terhadap ibu bapa.

4. Peristiwa Doktor Ridhuan menjalankan tugasnya sebagai pegawai perubatan kesihatan dengan berusaha mengenal punca dan kaedah penyelesaian untuk mengubati penyakit kemurungan Saleha yang sedang menerima rawatan di Hospital Permai, Johor Bahru.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang doktor untuk merawat dan mengubati pesakitnya.

5. Peristiwa Embong mengambil berat terhadap kesihatan isterinya, Saleha dengan membenarkan Haji Sulaiman dan tiga orang kakitangan Hospital Batu Pahat mengambil isterinya untuk rawatan pemulihan.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang suami terhadap isterinya yang sakit.

6. Peristiwa Embong menjaga dan mencari nafkah untuk anak-anaknya seramai enam orang tatkala isterinya Saleha sedang menerima rawatan pemulihan di Hospital Permai, Johor Bahru.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang bapa terhadap anak-anak.

7. Peristiwa Haji Sulaiman, selaku Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) membawa tiga orang kakitangan Hospital Batu Pahat untuk membawa Saleha ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang pemimpin masyarakat terhadap anggota masyarakatnya di kampung.

(terima peristiwa lain yang sesuai)

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- | | | | |
|-----|-----------------|---|------------------|
| (a) | Isi maksimum | - | 20 markah |
| (b) | Bahasa maksimum | - | 10 markah |

(a) Isi (20 markah)

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendiri *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
 - peribahasa
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian **markah bahasa tidak bergantung kepada markah** isi tetapi dinilai secara **holistik**.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	- Kesinambungan ayat sangat baik. - Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan sangat menarik dan berkesan.
Baik	5 – 7 markah	- Kesinambungan ayat baik. - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan menarik dan berkesan.
Sederhana	3 – 4 markah	- Kesinambungan ayat kurang baik. - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat. - Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan.
Lemah	1 – 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin, markah bahasa pada peringkat lemah
- (ii) Jika markah isi **7 markah ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi **6 markah ke bawah** tetapi bahasa sangat baik, markah **maksimum bahasa ialah 5**.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah Bahasa
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]		
P1	membincangkan sebab / punca / faktor Dasar Pendidikan Digital (DPD) diwujudkan, langkah / usaha / cara merealisasikan DPD dan objektif / matlamat DPD.	2
P2	Membincangkan sebab / punca / faktor Dasar Pendidikan Digital (DPD) diwujudkan dan langkah / usaha / cara merealisasikan DPD	1
P3	membincangkan matlamat/objektif Dasar Pendidikan Digital.	1
Isi [16 markah]		
Fokus 1 : sebab / punca / faktor Dasar Pendidikan Digital (DPD) diwujudkan		
Bahan 1		
A1	tahap kebestarian sekolah di negara ini masih berada pada tahap sederhana	2
A2	wujudnya ekosistem persekitaran yang kurang membudayakan pembestarian sekolah	2
A3	pencapaian kompetensi digital murid pada tahun 2019 yang masih berada pada tahap sederhana	2
A4	kapasiti pengkomputeran peranti digital di sekolah dan bilangan peranti digital untuk PdP masih pada tahap yang rendah	2
Bahan 3		
B1	buta digital merupakan punca utama	2
Fokus 2 : langkah / usaha / cara merealisasikan DPD		
Bahan 1		
C1	pihak kerajaan menyediakan peranti dan kemudahan digital di semua sekolah di Malaysia	2
C2	guru perlu kompeten dalam bidang digital dengan mengikuti pelbagai kursus yang dianjurkan.	2
C3	ibu bapa turut memberikan didikan dan dorongan	2
Bahan 2		
D1	membekalkan kepelbagaian teknik pengajaran dan pendekatan menggunakan teknologi digital.	2
D2	meningkatkan kualiti guru dengan pengetahuan dan kemahiran digital kepada bakal guru dan guru sedia ada.	2
D3	Kajian semula masa penggunaan digital di sekolah perlu dilakukan	2
Bahan 3		
E1	Guru jauhari mengajar dengan rajin	2
E2	Guru jauhari menambah ilmunya	2
Fokus 3 : objektif / matlamat Dasar Pendidikan Digital/ DPD		
Bahan 1		
F1	murid fasih digital untuk memenuhi keperluan era digital	2
F2	mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem pendidikan	2
Bahan 2		
G1	menguatkan sokongan infrastruktur dan infostruktur melalui penglibatan rakan strategik	2

Kesimpulan [2 markah]		
K1	Dasar Pendidikan Digital haruslah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh untuk melahirkan masyarakat yang intelektual.	2
K2	Dasar Pendidikan Digital perlulah dipraktikkan agar pendidikan di negara kita semakin maju.	2
K3	Dasar Pendidikan Digital haruslah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh	1
K4	Semua pihak / kerajaan / ibu bapa / masyarakat perlulah melaksanakan Dasar Pendidikan Digital	0
K5	Dasar Pendidikan Digital haruslah dilaksanakan oleh semua pihak / kerajaan / ibu bapa / masyarakat	0

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT